

Bil. S 28

**AKTA MAHKAMAH BESAR
(PENGAL 5)**

**ATURAN-ATURAN MAHKAMAH TINGGI
BRUNEI (PINDAAN) (BIL. 2), 1999**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 12 dari Akta Mahkamah Besar, maka Hakim-Hakim Mahkamah Besar, telah membuat Aturan-Aturan yang berikut, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Gelaran,
permulaan
kuatkuasa dan
pengenaan.

1. (1) Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi Brunei (Pindaan) (Bil. 2), 1999.

(2) Aturan-Aturan ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Jun, 1999.

(3) Aturan-Aturan ini hendaklah dikenakan kepada setiap tindakan dalam Mahkamah yang dimulakan pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Aturan-Aturan ini.

Pindaan
Perintah 1,
aturan 1.

2. Aturan 1 dari Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi Brunei 1990, dalam Aturan-Aturan ini disebut sebagai Aturan-Aturan utama, adalah dipinda dengan memotong "Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi Brunei 1990" dan menggantikannya dengan "Aturan-Aturan Mahkamah Besar".

Pindaan
Perintah 1,
aturan 4(1).

3. Perintah 1 aturan 4 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dalam perenggan (1) –

(a) dengan menambah yang berikut sejurus selepas takrifan "Akta" –

""bailif" termasuk Pendaftar dan mana-mana kerani atau pegawai lain yang ditugaskan untuk menjalankan kewajipan-kewajipan bailif dan dilantik sedemikian oleh Pendaftar ;"

(b) dengan meminda takrifan "Pendaftar" dengan memasukkan perkataan-perkataan "Pendaftar Kanan" sejurus selepas "Timbalan Ketua Pendaftar" ; dan

(c) dengan menambah yang berikut sejurus selepas takrifan "wilayah-wilayah berjadual" –

tentang masa tawaran tersebut terbuka untuk penerimaan hendaklah tidak ditarik balik dalam masa tersebut tanpa kebenaran Mahkamah. Suatu tawaran untuk menyelesaikan yang tidak menentukan masa bagi penerimaan boleh ditarik balik pada bila-bila masa selepas tamat tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian tawaran tersebut kepada pihak yang satu lagi dengan syarat bahawa sekurang-kurangnya notis satu hari tentang tujuan untuk menarik balik tawaran itu diberikan terlebih dahulu.

(3) Jika suatu tawaran untuk menyelesaikan menentukan masa tawaran itu boleh diterima atau tawaran itu tidak diterima atau ditarik balik dalam masa tersebut, tawaran itu hendaklah dianggap telah ditarik balik apabila masa tersebut tamat tempohnya.

(4) Jika suatu tawaran untuk menyelesaikan tidak menentukan masa bagi penerimaan, tawaran itu boleh diterima pada bila-bila masa sebelum Mahkamah menyelesaikan perkara yang berkaitan dengannya tawaran itu dibuat.

Tanpa
menjejaskan.
(P. 22A, a. 4).

4. Suatu tawaran untuk menyelesaikan hendaklah dianggap sebagai tawaran bertolak ansur yang dibuat tanpa menjejaskan kecuali tentang kos.

Tidak
mendedahkan.
(P. 22A, a. 5).

5. (1) Suatu tawaran untuk menyelesaikan hendaklah tidak difailkan dan pernyataan tentang hakikat bahawa tawaran seperti itu telah dibuat tidaklah boleh terkandung dalam sebarang pliding atau affidavit.

(2) Jika suatu tawaran untuk menyelesaikan tidak diterima, tiada penyampaian berkaitan dengan tawaran itu boleh dibuat kepada Mahkamah pada pendengaran prosiding sehingga semua persoalan liabiliti dan relif yang akan diberikan, selain dari kos, telah diputuskan.

Penerimaan.
(P. 22A, a. 6).

6. (1) Suatu tawaran untuk menyelesaikan hendaklah diterima dengan menyampaikan penerimaan tawaran kepada pihak yang membuat tawaran itu.

(2) Jika suatu pihak yang kepadanya suatu tawaran untuk menyelesaikan dibuat menolak tawaran tersebut atau membuat suatu tawaran balas yang tidak diterima, pihak tersebut boleh selepas itu menerima tawaran asal untuk menyelesaikan, melainkan jika tawaran itu telah ditarik balik atau Mahkamah telah menyelesaikan perkara yang berkaitan dengannya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu tawaran diterima, Mahkamah boleh memasukkan sebarang syaratnya ke dalam penghakiman.

Ketiadaupayaan.
(P. 22A, a. 7).

7. Suatu pihak yang tidak berupaya untuk membuat, menarik balik dan menerima suatu tawaran untuk menyelesaikan, tetapi tiada penerimaan tawaran dibuat olehnya dan tiada penerimaan olehnya akan suatu tawaran yang dibuat oleh pihak lain mengikatnya sehingga penyelesaian itu telah dibenarkan.

Pematuhan.
(P. 22A, a. 8).

8. (1) Jika suatu pihak kepada suatu tawaran untuk menyelesaikan yang diterima gagal mematuhi sebarang syarat tawaran yang diterima itu, pihak yang satu lagi boleh –

- (a) membuat permohonan kepada seorang Hakim bagi penghakiman atas syarat-syarat tawaran yang diterima itu, dan Hakim tersebut boleh memberi penghakiman dengan sewajarnya ; atau
- (b) meneruskan prosiding seolah-olah tidak ada tawaran untuk menyelesaikan yang diterima.

(2) Jika tawaran untuk menyelesaikan itu melibatkan pembayaran wang secara beransur-ansur, tawaran untuk menyelesaikan yang diterima itu hendaklah melainkan jika pihak-pihak tersebut memperuntukkan sebaliknya dianggap termasuk suatu syarat bahawa semua bayaran ansuran yang belum dijelaskan hendaklah menjadi kena dibayar dengan serta-merta setelah gagal mematuhi pembayaran sebarang bayaran ansuran.

Kos.
(P. 22A, a. 9).

9. (1) Jika suatu tawaran untuk menyelesaikan yang dibuat oleh plaintif –

- (a) tidak ditarik balik dan belum tamat tempohnya sebelum penyelesaian tuntutan yang berkaitan dengannya tawaran untuk menyelesaikan itu dibuat ; dan
- (b) tidak diterima oleh defendan, dan plaintif memperolehi penghakiman yang tidak kurang baiknya dari syarat-syarat tawaran untuk menyelesaikan itu,

Plaintif berhak terhadap kos atas asas standard sehingga tarikh tawaran untuk menyelesaikan disampaikan dan kos

atas asas tanggung rugi dari tarikh tersebut, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

(2) Jika suatu tawaran untuk menyelesaikan tidak memperuntukkan kos, plaintif berhak –

- (a) jika tawaran itu dibuat olehnya, terhadap kosnya yang ditaksir sehingga tarikh bahawa notis penerimaan disampaikan ; atau
- (b) jika tawaran itu dibuat oleh defendan, terhadap kosnya yang ditaksir sehingga tarikh tawaran itu disampaikan kepada plaintif.

(3) Jika suatu tawaran untuk menyelesaikan yang dibuat oleh defendan –

- (a) tidak ditarik balik dan belum tamat tempohnya sebelum penyelesaian tuntutan yang berkaitan dengannya tawaran untuk menyelesaikan itu dibuat ; dan
- (b) tidak diterima oleh plaintif, dan plaintif memperoleh penghakiman yang tidak lebih baik dari syarat-syarat tawaran untuk menyelesaikan itu,

plaintif berhak terhadap kos atas asas standard sehingga tarikh tawaran tersebut disampaikan dan defendan berhak terhadap kos atas asas tanggung rugi dari tarikh itu, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

- (4) (a) Sebarang faedah yang diberikan berkaitan dengan tempoh sebelum penyampaian tawaran untuk menyelesaikan itu hendak dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam memutuskan sama ada penghakiman plaintif itu adalah lebih baik dari syarat-syarat tawaran untuk menyelesaikan itu.
- (b) Sebarang faedah yang diberikan berkaitan dengan tempoh selepas penyampaian tawaran untuk menyelesaikan itu tidak akan dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam memutuskan sama ada penghakiman plaintif itu adalah lebih baik dari syarat-syarat untuk menyelesaikan itu.

Liabiliti bersama dan berasingan.
(P. 22A, a. 10).

10. Jika terdapat dua orang defendan atau lebih, plaintif boleh membuat tawaran untuk menyelesaikan kepada mana-mana defendan dan mana-mana defendan boleh membuat tawaran untuk menyelesaikan kepada plaintif, tetapi jika defendan-defendan itu dikatakan bertanggung bersetama atau bertanggung bersetama dan berasingan terhadap plaintif berkaitan dengan suatu tuntutan dan hak sumbangan atau tanggung rugi mungkin wujud di antara defendan-defendan itu, akibat-akibat kos yang ditetapkan oleh aturan 9 tidak dikenakan kepada suatu tawaran untuk menyelesaikan melainkan jika –

- (a) dalam hal suatu tawaran yang dibuat oleh plaintif, tawaran itu dibuat kepada semua defendan, dan adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan tuntutan terhadap semua defendan ; atau
- (b) dalam hal suatu tawaran yang dibuat kepada plaintif –
 - (i) tawaran itu adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan tuntutan plaintif terhadap semua defendan dan untuk membayar kos mana-mana defendan yang tidak disatukan dalam membuat tawaran itu ; atau
 - (ii) tawaran itu dibuat oleh semua defendan dan adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan tuntutan terhadap semua defendan, dan, atas syarat-syarat tawaran itu, mereka bertanggung bersetama dan berasingan terhadap plaintif bagi keseluruhan tawaran itu.

Tawaran untuk menyumbang.
(P. 22A, a. 11).

11. (1) Jika 2 orang defendan atau lebih dikatakan bertanggung bersetama atau bertanggung bersetama dan berasingan terhadap plaintif berkaitan dengan suatu tuntutan, mana-mana defendan boleh membuat kepada mana-mana defendan lain suatu tawaran untuk menyumbang bagi menyelesaikan tuntutan itu.

(2) Mahkamah boleh mengambil kira suatu tawaran untuk menyumbang dalam memutuskan sama ada defendan lain patut diperintahkan –

- (a) untuk membayar kos defendan yang telah membuat tawaran itu ; atau
- (b) untuk menanggung rugi defendan yang telah membuat tawaran itu bagi sebarang kos yang dia bertanggung untuk membayarnya kepada plaintif,

atau untuk melakukan kedua-duanya.

(3) Aturan-Aturan 2 hingga 12 hendaklah dikenakan kepada suatu tawaran untuk menyumbang seolah-olah tawaran tersebut adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan.

Budibicara
Mahkamah.
(P. 22A, a. 12).

12. Tanpa menjejaskan aturan-aturan 9 dan 10, Mahkamah, pada menjalankan budibicaranya berhubung dengan kos, boleh mengambil kira sebarang tawaran untuk menyelesaikan, tarikh tawaran tersebut dibuat, syarat-syarat tawaran tersebut dan setakat mana penghakiman plaintif itu lebih baik dari syarat-syarat tawaran untuk menyelesaikan itu.

Tuntutan balas
dan tuntutan
pihak ketiga.
(P. 22A, a. 13).

13. Aturan-Aturan 1 hingga 12 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada tuntutan balas dan tuntutan pihak ketiga.”.

Pindaan
Perintah 32.

8. Perintah 32 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dengan memotong aturan 7.

Tambahan
Perintah 34A
baru.

9. Aturan-aturan utama adalah dipinda dengan menambah Perintah 34A yang berikut –

“PERINTAH 34A

PERSIDANGAN SEBELUM PERBICARAAN”

Kuasa untuk
membuat
perintah.
(P. 34A, a. 1).

1. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam aturan-aturan ini, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa setelah bermulanya sebarang prosiding, atas usulnya sendiri mengarahkan mana-mana pihak atau pihak-pihak kepada prosiding itu untuk hadir di hadapannya, supaya Mahkamah boleh membuat perintah atau memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya patut, bagi penyelesaian yang adil, segera dan menjimatkan guaman atau perkara tersebut.

(2) Jika mana-mana pihak gagal mematuhi sebarang perintah yang dibuat atau arahan yang diberikan oleh Mahkamah di bawah perenggan (1), Mahkamah boleh menolak tindakan, membatalkan pembelaan atau tuntutan balas atau membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Mahkamah boleh, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah perenggan (1), membuat perintah tentang kos sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Sebarang penghakiman, perintah atau arahan yang diberikan atau dibuat terhadap mana-mana pihak yang tidak hadir di hadapan Mahkamah apabila diarahkan untuk berbuat demikian di bawah perenggan (1) boleh diketepikan atau diubah oleh Mahkamah atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya adil.

Arahan tentang
persidangan
sebelum
perbicaraan.
(P. 34A, a. 2).

2. (1) Tanpa menjejaskan aturan 1, pada bila-bila masa sebelum sebarang tindakan atau prosiding dibicarakan, Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak tersebut untuk menghadiri persidangan sebelum perbicaraan berkenaan dengan perkara-perkara yang berbangkit dalam tindakan atau prosiding itu.

(2) Semasa persidangan sebelum perbicaraan, Mahkamah boleh menimbangkan sebarang perkara termasuk kemungkinan penyelesaian sebarang atau semua isu dalam tindakan atau prosiding itu dan menghendaki pihak-pihak tersebut untuk memberi kepada Mahkamah sebarang maklumat sebagaimana yang difikirkannya patut, dan boleh juga memberi segala arahan yang didapati perlu atau mustahak untuk menjamin penyelesaian yang adil, segera dan menjimatkan tindakan atau prosiding itu.

(3) Mahkamah, setelah membuat arahan di bawah aturan 2(2) atau aturan 3 boleh sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, jika mana-mana pihak ingkar mematuhi sebarang arahan itu, menolak tindakan atau prosiding tersebut atau membatalkan pembelaan atau tuntutan balas atau mencatatkan penghakiman atau membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Sebarang penghakiman atau perintah yang dibuat di bawah aturan 2(3) boleh diketepikan oleh

Mahkamah, atas permohonan pihak tersebut, atas syarat-syarat, jika ada, sebagaimana yang difikirkannya adil.

(5) Pada bila-bila masa semasa persidangan sebelum perbicaraan jika pihak-pihak tersebut bersetuju dengan penyelesaian beberapa atau semua perkara yang dipertikaikan dalam tindakan atau prosiding itu, Mahkamah boleh mencatatkan penghakiman dalam tindakan atau prosiding itu atau membuat perintah tersebut untuk menguatkuasakan penyelesaian itu.

Pemberitahuan.
(P. 34A, a. 3).

3. Semua pihak hendaklah diberitahu mengenai tarikh dan masa yang ditetapkan untuk mengadakan persidangan sebelum perbicaraan dan tiap-tiap pihak hendaklah mematuhi sebarang arahan tersebut.

Kehadiran.
(P. 34A, a. 4).

4. Pihak-Pihak kepada tindakan atau prosiding itu boleh diwakili semasa persidangan sebelum perbicaraan oleh peguamcara mereka, jika ada, tetapi boleh, jika mereka menghendaki demikian, dengan kebenaran Mahkamah, menghadiri sendiri persidangan sebelum perbicaraan, pada masa yang ditetapkan pada mulanya atau yang ditangguhkan, selain daripada peguamcara mereka.

Penangguhan.
(P. 34A, a. 5).

5. Persidangan sebelum perbicaraan boleh ditangguhkan dari masa ke semasa, sama ada pada amnya atau sehingga satu tarikh yang tertentu, sebagaimana yang mungkin bersesuaian.

Kegagalan
untuk hadir.
(P. 34A, a. 6).

6. (1) Jika, pada masa yang ditetapkan bagi persidangan sebelum perbicaraan, satu pihak atau lebih gagal hadir, Mahkamah boleh menolak tindakan atau prosiding itu atau membatalkan pembelaan atau tuntutan balas atau mencatatkan penghakiman atau membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Suatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah semasa ketiadaan pihak yang berkenaan atau yang terjejas oleh perintah tersebut boleh diketepikan oleh Mahkamah, atas permohonan pihak tersebut, atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya adil.

(3) Tanpa menjejaskan perenggan-perenggan aturan ini yang terdahulu, jika satu pihak atau lebih kepada tindakan atau prosiding itu gagal menghadiri persidangan sebelum perbicaraan, Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, menangguhkan persidangan itu.

Tidak
mendedahkan.
(P. 34A, a. 7).

7. Penyampaian fakta-fakta yang didedahkan atau sebarang perkara yang dipertimbangkan semasa persidangan sebelum perbicaraan dalam sebarang tindakan atau prosiding tidaklah boleh dibuat kepada Mahkamah yang menjalankan perbicaraan tindakan atau prosiding tersebut."

10. Perintah 37 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dengan menambah aturan-aturan yang berikut –

Pindaan
Perintah 37.

"Pengenaaan
Aturan-Aturan 7
hingga 10.
(P. 37, a. 7).

7. (1) Aturan ini dan aturan-aturan 8 hingga 10 hendaklah dikenakan kepada tindakan-tindakan bagi ganti rugi kerana kecederaan diri.

(2) Dalam aturan-aturan Perintah ini yang berikut, "award ganti rugi sementara" bermakna suatu award ganti rugi kerana kecederaan diri yang di bawahnya –

- (a) ganti rugi ditaksir atas andaian bahawa sesuatu kontingensi tidak akan berlaku ; dan
- (b) orang yang tercedera berhak untuk memohon ganti rugi tambahan pada suatu tarikh masa depan jika kontingensi itu berlaku.

Ganti rugi
sementara.
(P. 37 a. 8).

8. (1) Mahkamah boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya adil dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan aturan ini, membuat suatu award ganti rugi sementara jika plaintif telah memohon suatu tuntutan bagi ganti rugi sementara.

(2) Suatu perintah bagi suatu award ganti rugi sementara hendaklah menyatakan kontingensi yang berkaitan dengannya suatu permohonan boleh dibuat pada suatu tarikh masa depan, dan hendaklah juga, melainkan jika Mahkamah memutuskan sebaliknya, menyatakan tempoh permohonan tersebut boleh dibuat.

(3) Mahkamah boleh, atas permohonan plaintif yang dibuat dalam tempoh tersebut, jika ada, yang dinyatakan dalam perenggan (2), dengan perintah melanjutkan tempoh tersebut jika Mahkamah memikirkannya adil untuk berbuat demikian, dan plaintif boleh membuat lebih dari satu permohonan seperti itu.

(4) Suatu perintah bagi suatu award ganti rugi sementara boleh dibuat berkaitan dengan lebih dari satu

kontingensi dan boleh berkaitan dengan setiap kontingensi menyatakan tempoh yang berlainan yang dalam tempoh itu suatu permohonan boleh dibuat pada suatu tarikh masa depan.

(5) Perintah-Perintah 13 dan 19 hendaklah tidak dikenakan berhubung dengan suatu tindakan di mana plaintif menuntut ganti rugi sementara.

Tawaran untuk mengemukakan.
(P. 37, a. 9).

9. (1) Jika suatu permohonan dibuat bagi suatu award ganti rugi sementara, mana-mana defendan boleh pada bila-bila masa (sama ada atau tidak dia membuat pembayaran ke dalam Mahkamah atau membuat tawaran untuk menyelesaikan) membuat tawaran bertulis kepada plaintif –

(a) supaya mengemukakan suatu jumlah wang (yang mungkin termasuk suatu amaun yang akan ditentukan, berkaitan dengan faedah) untuk menyelesaikan tuntutan plaintif bagi ganti rugi yang ditaksir atas andaian bahawa orang yang tercedera tidak akan mendapat kontingensi itu dan mengenalpasti kontingensi yang berkenaan itu ; dan

(b) supaya bersetuju dengan pembuatan suatu award ganti rugi sementara.

(2) Sebarang tawaran yang dibuat di bawah perenggan (1) hendaklah tidak dibawa ke perhatian Mahkamah sehingga setelah Mahkamah memutuskan tuntutan bagi suatu award ganti rugi sementara.

(3) Jika suatu tawaran dibuat di bawah perenggan (1), plaintif boleh, dalam masa 21 hari setelah tawaran itu diterima, memberi notis bertulis kepada defendan mengenai penerimaannya terhadap tawaran tersebut dan hendaklah atas penerimaan tawaran tersebut membuat suatu permohonan kepada Mahkamah bagi suatu perintah menurut peruntukan-peruntukan aturan 8(2).

Permohonan bagi ganti rugi tambahan.
(P. 37, a. 10).

10. (1) Aturan ini hendaklah dikenakan jika plaintif, menurut suatu award ganti rugi sementara, menuntut ganti rugi tambahan.

(2) Tiada permohonan bagi ganti rugi tambahan boleh dibuat selepas tamatnya tempoh, jika ada, yang dinyatakan di bawah aturan 8(2), atau tempoh yang dilanjutkan di bawah aturan 8(3).

(3) Plaintiff hendaklah memberi notis bertulis tidak kurang dari 3 bulan kepada defendan tentang tujuannya untuk memohon ganti rugi tambahan dan, jika defendan pada pengetahuan plaintiff dilindungi insurans berkaitan dengan tuntutan plaintiff, kepada penanggung insurans."

11. Perintah 42 dari aturan-aturan utama adalah dipinda –

Pindaan
Perintah 42.

(a) dengan memotong aturan (1) perenggan (2) dan menggantikannya dengan yang berikut –

"(2) Dengan tidak menghiraukan perenggan (1), seseorang Hakim yang telah membicarakan sebarang prosiding boleh memberi penghakiman, dan sebab-sebabnya, secara bertulis pada suatu tarikh kemudian, dengan menghantar satu salinannya kepada semua pihak dalam prosiding itu." ;

(b) dengan memotong perkataan "Setiap" pada permulaan aturan 12 dan menggantikannya dengan yang berikut –

"Kecuali apabila telah dipersetujui sebaliknya di antara pihak-pihak tersebut, setiap".

12. Perintah 45 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dalam aturan 3(2) dengan memotong "83" dan menggantikannya dengan "79".

Pindaan
Perintah 45.

13. Perintah 52 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dengan menambah aturan 10 yang berikut –

Pindaan
Perintah 52.

"10. Sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada Mahkamah Tinggi hendaklah termasuk sebutan kepada Mahkamah Rayuan."

14. Perintah 56 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dengan memotong aturan 2 perenggan 2.

Pindaan
Perintah 56.

15. Perintah 59 dari aturan-aturan utama adalah dipinda –

Pindaan
Perintah 59.

(a) dengan menambah aturan 1(3) yang berikut –

"(3) Butiran yang disebutkan dalam ruang pertama susunan di bawah, apabila digunakan dalam suatu perintah kos, hendaklah mempunyai kuatkuasa yang ditunjukkan dalam ruang kedua susunan tersebut.

SUSUNAN

Perkataan	Kuatkuasa
"Kos"	Jika perintah ini dibuat dalam prosiding interlokutori, pihak yang untuk faedahnya perintah ini dibuat adalah berhak terhadap kosnya berkaitan dengan prosiding itu apa pun keputusan guaman atau perkara bagaimana prosiding itu timbul ;
"Kos simpanan"	Pihak yang untuk faedahnya suatu perintah kos dibuat pada selesainya guaman atau perkara bagaimana prosiding itu timbul adalah berhak terhadap kos prosidingnya yang berkaitan dengannya perintah ini dibuat melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya.
"Kos dalam sebarang hal"	Perintah ini mempunyai kuatkuasa yang sama sebagaimana suatu perintah "kos" kecuali bahawa kos itu hendaklah ditetapkan hanya setelah selesainya guaman atau perkara bagaimana prosiding itu timbul ;
"Kos di bawah ini"	Pihak yang untuk faedahnya perintah ini dibuat adalah berhak bukan sahaja terhadap kosnya berkaitan dengan prosiding bagaimana perintah ini dibuat tetapi juga terhadap kosnya bagi prosiding yang sama di mana-mana mahkamah rendah, tribunal atau badan lain yang ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang bertulis atau dalam prosiding timbangtara ;

SUSUNAN

Perkataan

Kuatkuasa

"Kos dalam guaman"
atau "kos dalam
permohonan"

Pihak yang untuk
faedahnya suatu perintah
kos dibuat pada selesainya
guaman atau perkara
bagaimana prosiding itu
timbul adalah berhak
terhadap kos prosidingnya
yang berkaitan dengannya
perintah tersebut dibuat";

(b) dengan menambah aturan 7A yang berikut –

"Kos
penetapan.
(P. 59, a. 7A).

7A. (1) Tertakluk kepada Perintah ini dan sebarang
undang-undang bertulis, pihak yang bilnya ditetapkan
adalah berhak terhadap kos penetapan prosidingnya.

(2) Pihak yang kena membayar kos tersebut boleh
membuat suatu tawaran bertulis untuk membayar suatu
jumlah wang bagi menyelesaikan kos tersebut dalam masa
7 hari dari penyerahan kepadanya satu salinan bil kos.

(3) Pendaftar boleh menimbangkan tawaran
tersebut." ;

(c) dengan menambah aturan 18A yang berikut –

"Litigan
bersendirian.
(P. 59, a. 18A).

18A. Atas penetapan kos bagi litigan bersendirian, maka
bolehlah dibenarkan kos yang akan dengan munasabah
mengganti rugi litigan tersebut bagi masa yang dihabiskan
olehnya, dan semua perbelanjaan yang dilakukan dengan
munasabah." ;

(d) dalam aturan 27(6) dengan memotong "sepuluh" dan
menggantikannya dengan "dua puluh".

16. Pelbagai amaun yang dinyatakan sebagai bayaran atau kos dalam
sebarang Lampiran yang berikut hendaklah dalam setiap hal digandakan
dan Lampiran-Lampiran ini hendaklah dianggap telah dipinda dengan
sewajarnya –

Pindaan amaun
yang ditetapkan
oleh Lampiran-
Lampiran.

(a) Lampiran 1 kepada Perintah 59 dari aturan-aturan utama
(Bahagian-Bahagian I hingga IX kedua-duanya termasuk) ;

(b) Lampiran 2 kepada Perintah 59 dari aturan-aturan utama
(Bahagian-Bahagian I hingga IV kedua-duanya termasuk) ;

- (c) Lampiran B kepada aturan-aturan utama (Butiran-Butiran 1 hingga 113 kedua-duanya termasuk).

Pemasukan
Perintah 63A.

17. Aturan-aturan utama adalah dipinda dengan menambah Perintah 63A yang berikut.

"PERINTAH 63A

PERKHIDMATAN DAN FAIL ELEKTRONIK"

Takrifan.
(P. 63A, a. 1).

1. Dalam Perintah ini –

"kod pengesahan" bermakna sebarang kod pengenalan atau pengenalpastian, kata laluan atau sebarang kaedah atau prosedur pengesahan lain yang telah diberikan kepada pengguna berdaftar perkhidmatan fail elektronik bagi maksud mengenalpasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan fail elektronik oleh pengguna berdaftar tersebut ;

"perkhidmatan fail elektronik" bermakna perkhidmatan fail elektronik yang diadakan di bawah aturan 2 ;

"nama pengenalan" bermakna nama pengenalan yang diberikan kepada pengguna berdaftar oleh Pendaftar di bawah aturan 6(1) ;

"pembekal perkhidmatan rangkaian" bermakna pembekal perkhidmatan rangkaian yang dilantik oleh Pendaftar, dengan kebenaran Ketua Hakim, di bawah aturan 3(1) ;

"buku panduan kendalian" bermakna buku panduan kendalian yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan rangkaian, dengan kebenaran Pendaftar, di bawah aturan 3(2) ;

"pengguna berdaftar" bermakna seseorang yang telah didaftarkan dengan Pendaftar untuk mendapat akses kepada dan menggunakan perkhidmatan fail elektronik di bawah aturan 5 ;

"dokumen-dokumen tertentu" bermakna dokumen-dokumen yang –

- (a) dikehendaki oleh aturan-aturan ini untuk difailkan, disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak ; dan

- (b) ditentukan dalam arahan amalan yang pada masa itu dikeluarkan oleh Pendaftar.

Perkhidmatan fail elektronik.
(P. 63A, a. 2).

2. Pendaftar boleh, dengan kebenaran Ketua Hakim, mengadakan suatu perkhidmatan fail elektronik dan membuat peruntukan bagi dokumen-dokumen tertentu yang hendak difailkan, disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak dengan penghantaran elektronik melalui pembekal perkhidmatan rangkaian.

Rangkaian.
(P. 63A, a. 3).

3. (1) Perkhidmatan fail elektronik hendaklah dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan rangkaian yang dilantik oleh Pendaftar dengan kebenaran Ketua Hakim.

(2) Pembekal perkhidmatan rangkaian, dengan kebenaran Pendaftar, hendaklah mengeluarkan buku panduan kendalian untuk perkhidmatan fail elektronik.

Penggunaan.
(P. 63A, a. 4).

4. (1) Perintah ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana orang yang telah didaftarkan oleh Pendaftar sebagai pengguna berdaftar bagi maksud-maksud memfailkan, menyampaikan, menyerahkan atau memindah hak dokumen-dokumen dengan penghantaran elektronik.

(2) Pengguna berdaftar boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini, memfailkan, menyampaikan, menyerahkan ataupun sebaliknya memindah hak dokumen-dokumen tertentu kepada pengguna-pengguna berdaftar yang lain dengan penghantaran elektronik menurut Perintah ini.

Pengguna berdaftar.
(P. 63A, a. 5).

5. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Pendaftar untuk menjadi pengguna berdaftar.

(2) Setelah permohonan itu diluluskan oleh Pendaftar, pengguna berdaftar hendaklah –

- (a) membuat suatu perjanjian dengan pembekal perkhidmatan rangkaian bagi mengadakan perkhidmatan rangkaian, dan peralatan komputer dan perhubungan yang diperlukan dan perisian yang dinyatakan dalam buku panduan kendalian ;
- (b) mengkaji buku panduan kendalian bagi perkhidmatan fail elektronik ; dan

- (c) membuat penyusunan dengan Pendaftar bagi cara untuk membayar bayaran yang boleh dikenakan yang ditetapkan dalam aturan-aturan ini.

Kod
pengesahan.
(P. 63A, a. 6).

6. (1) Sebelum menggunakan perkhidmatan fail elektronik, pengguna berdaftar hendaklah memohon kepada Pendaftar bagi satu atau lebih nama pengenalan dan kod pengesahan yang hendak diberikan kepadanya atau wakilnya yang diberi kuasa.

(2) Pengguna berdaftar atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah mendaftarkan butir-butirnya kepada Pendaftar dan mengakui secara bertulis tentang penerimaan nama pengenalan dan kod pengesahan dengan selamat yang diberikan kepadanya oleh Pendaftar.

(3) Pengguna berdaftar atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah memberitahu Pendaftar secara bertulis tentang sebarang perubahan butir-butir.

(4) Apabila pemberian kuasa wakil yang diberi kuasa dibatalkan atau ditamatkan, pengguna berdaftar hendaklah dengan serta merta meminta Pendaftar secara bertulis untuk membatalkan nama pengenalan dan kod pengesahan wakil yang diberi kuasa itu mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan amalan yang pada masa itu dikeluarkan oleh Pendaftar.

Keselamatan.
(P. 63A, a. 7).

7. Pengguna berdaftar atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah memastikan kerahsiaan dan keselamatan kod pengesahannya dan hendaklah tidak –

- (a) mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang lain ; atau
- (b) membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan kod pengesahannya.

Fail elektronik.
(O. 63A, a. 8).

8. Jika suatu dokumen tertentu dikehendaki untuk difailkan, disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak kepada Pendaftar di bawah sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini, ia boleh dijalankan oleh pengguna berdaftar dengan penghantaran elektronik menurut buku panduan kendalian.

Penanda-
tanganan.
(P. 63A, a. 9).

9. Jika suatu dokumen difailkan, disampaikan diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak dengan penghantaran elektronik, sebarang kehendak di bawah

sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini berhubung dengan penandatanganan oleh atau tandatangan –

- (a) pengguna berdaftar, hendaklah dianggap sebagai dipatuhi jika kod pengesahan pengguna berdaftar telah digunakan dalam dokumen itu menurut buku panduan kendalian ;
- (b) Pendaftar, hendaklah dianggap sebagai dipatuhi jika salinan tepat tandatangan Pendaftar dibuat dalam dokumen itu ;

Tarikh
memfailkan.
(P. 63A, a. 10).

10. (1) Jika suatu dokumen difailkan, disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak kepada Pendaftar dengan penghantaran elektronik dan kemudiannya diterima oleh Pendaftar, dokumen itu hendaklah dianggap sebagai difailkan, disampaikan, diserahkan atau dipindah hak pada tarikh bahagian pertama penghantaran itu diterima dalam keterangan komputer pembekal perkhidmatan rangkaian.

(2) Jika suatu writ difailkan atau dipindah hak dengan penghantaran elektronik dan kemudiannya diterima oleh Pendaftar, writ itu hendaklah dengan tidak menghiraukan Perintah 6, aturan 3(2), dianggap sebagai dikeluarkan pada tarikh bahagian pertama penghantaran itu diterima oleh pembekal perkhidmatan rangkaian.

(3) Pengguna berdaftar boleh membuktikan –

- (a) writ itu difailkan atau dikeluarkan ;
- (b) sebarang dokumen lain difailkan, disampaikan, diserahkan atau dipindah hak, dengan mengemukakan suatu rekod penghantaran yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan rangkaian berserta dengan satu salinan akuan penerimaan dokumen itu oleh Pendaftar.

Masa
penyampaian.
(P. 63A, a. 11).

11. Jika suatu dokumen difailkan, disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak kepada Pendaftar dengan penghantaran elektronik, masa penyampaian dokumen itu hendaklah hanya bermula setelah Pendaftar menghantar akuan penerimaannya akan dokumen itu.

Penyampaian
dokumen.
(P. 63A, a. 12).

12. (1) Jika suatu dokumen tertentu, selain dari dokumen yang dikehendaki oleh aturan-aturan ini untuk disampaikan sendiri, adalah dikehendaki di bawah sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini untuk disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak oleh pengguna berdaftar (disebut dalam aturan ini sebagai pengguna berdaftar pertama) kepada mana-mana orang lain dan orang itu adalah pengguna berdaftar atau diwakili oleh seorang peguamcara yang merupakan pengguna berdaftar (disebut dalam aturan ini sebagai pengguna berdaftar kedua), penyampaian, penyerahan atau pemindahan tersebut boleh dilakukan dengan penghantaran elektronik menurut buku panduan kendalian.

(2) Dokumen itu hendaklah dianggap sebagai disampaikan, diserahkan ataupun sebaliknya dipindah hak pada tarikh dokumen itu diterima dalam keterangan komputer pengguna berdaftar kedua.

(3) Pengguna berdaftar pertama boleh membuktikan penyampaian dengan mengemukakan rekod penghantaran yang dikeluarkan oleh pembekal perkhidmatan rangkaian berserta dengan nama pengenalan elektronik pengguna berdaftar kedua.

Pemberitahuan
oleh Pendaftar.
(P. 63A, a. 13).

13. Jika Pendaftar dikehendaki oleh sebarang peruntukan lain aturan-aturan ini untuk memberitahu atau menyerahkan atau memberi sebarang dokumen kepada seseorang yang merupakan pengguna berdaftar, Pendaftar boleh berbuat demikian dengan penghantaran elektronik menurut buku panduan kendalian.

Bayaran.
(P. 63A, a. 14).

14. (1) Bayaran yang ditetapkan dalam aturan-aturan ini hendaklah dikenakan sama dengan sebarang dokumen yang difailkan, disampaikan, diserahkan atau dipindah hak dengan penghantaran elektronik.

(2) Perintah 85 aturan 2 hendaklah dikenakan kepada bayaran yang kena dibayar berhubung dengan dokumen-dokumen tertentu yang dihantar dengan penghantaran elektronik kepada Pendaftar.

Anggapan.
(P. 63A, a. 15).

15. (1) Jika suatu dokumen dihantar kepada keterangan komputer Pendaftar dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada pengguna berdaftar –

(a) dengan atau tanpa kebenaran pengguna berdaftar ; dan

- {b} sebelum memberitahu Pendaftar mengikut cara yang dinyatakan dalam sebarang arahan amalan yang dikeluarkan pada masa itu oleh Pendaftar tentang pembatalan kod pengesahan,

dokumen itu hendaklah, bagi maksud aturan-aturan ini, dianggap –

- (i) telah dihantar dengan betul ; dan
- (ii) telah dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar,

melainkan jika pengguna berdaftar mengemukakan keterangan yang berlawanan ; dan jika pengguna berdaftar mengatakan bahawa dia tidak pernah menghantar dokumen itu, beban adalah juga kepadanya untuk mengemukakan keterangan mengenai fakta tersebut.

(2) Perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar yang memberi kod pengesahan, nama pengenalan dan butir-butir lain pengguna berdaftar dan perihalan dokumen yang dihantar adalah keterangan yang mencukupi bagi perkara-perkara yang disebutkan dalam perenggan (1) (a) dan (b).

Perbedaan.
(P. 63A, a. 16).

16. Jika terdapat sebarang pertentangan antara –

- (a) maklumat yang dimasukkan ke dalam templat elektronik dokumen yang hendak dihantar dengan cara yang dikehendaki oleh buku panduan kendalian ; dan
- (b) maklumat yang dikeluarkan kemudiannya dari templat tersebut,

maklumat yang mula-mula dimasukkan ke dalam templat elektronik hendaklah terpakai dan hendaklah dianggap sebagai dihantar dengan betul.

Pengenaan
Perintah.
(P. 63A, a. 17).

17. Perintah ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.”.

18. Perintah 67 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dengan memotong, dalam aturan 1, perkataan-perkataan “Akta Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman” dan menggantikannya dengan –

Pindaan
Perintah 67.

"Perintah Darurat (Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman Asing), 1996."

Pindaan
Perintah 69.

19. Perintah 69 dari aturan-aturan utama adalah dipinda –

(a) dengan menambah aturan 4A yang berikut –

"Rayuan.
(P. 69, a. 4A).

4A. (1) Notis usul pemula dengan cara rayuan mestilah menyatakan –

- (a) award yang darinya rayuan itu dibuat ;
- (b) sama ada rayuan itu adalah dari keseluruhan atau sebahagian dari award sahaja dan jika demikian, bahagian mana dari award itu ;
- (c) persoalan undang-undang yang berbangkit dari award itu ;
- (d) dengan ringkas alasan-alasan rayuan itu ; dan
- (e) sama ada rayuan itu dibuat dengan persetujuan pihak-pihak kepada perjanjian timbangtara.

(2) Satu salinan setiap affidavit yang dimaksudkan untuk digunakan dalam rayuan itu, dan setiap persetujuan yang diberikan secara bertulis (jika berkenaan), mestilah disampaikan dengan notis itu." ;

(b) dengan menambah aturan-aturan yang berikut –

"Penguatkuasaan.
(P. 69, a. 7).

7. (1) Suatu permohonan bagi kebenaran untuk menguatkuasakan suatu award atas suatu perjanjian timbangtara mengikut cara yang sama sebagaimana suatu penghakiman atau perintah boleh dibuat secara *ex parte* tetapi Mahkamah yang mendengar permohonan itu boleh mengarahkan supaya suatu saman dikeluarkan.

(2) Jika Mahkamah mengarahkan supaya suatu saman dikeluarkan, saman tersebut mestilah dengan saman pemula.

(3) Suatu permohonan bagi kebenaran mestilah disokong dengan affidavit –

- (a) yang menunjukkan perjanjian timbangtara dan award asal atau, dalam salah satu hal, satu salinannya ;
- (b) yang menyatakan nama dan tempat tinggal atau perniagaan pemohon yang biasa atau terakhir diketahui (disebut dalam aturan ini sebagai pemiutang) dan orang yang terhadapnya ia bertujuan untuk menguatkuasakan award itu (disebut dalam Aturan ini sebagai penghutang) masing-masing ; dan
- (c) mengikut mana yang dikehendaki, yang menyatakan sama ada award itu belum dipatuhi atau setakat mana award itu belum dipatuhi pada tarikh permohonan.

(4) Suatu perintah yang memberikan kebenaran mestilah disediakan oleh atau bagi pihak pemiutang dan mestilah disampaikan kepada penghutang dengan menyerahkan sendiri satu salinan kepadanya atau dengan menghantar satu salinan kepadanya di tempat tinggal atau perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui atau mengikut cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah.

(5) Penyampaian perintah itu di luar bidang kuasa adalah dibolehkan tanpa kebenaran, dan Perintah 11, aturan-aturan 3, 4 dan 6, hendaklah dikenakan berkenaan dengan perintah tersebut sebagaimana ia dikenakan berkenaan dengan suatu writ.

(6) Dalam masa 14 hari setelah perintah itu disampaikan atau, jika perintah itu hendak disampaikan di luar bidang kuasa, dalam suatu tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah, penghutang boleh memohon untuk mengenenpikan perintah itu dan award tersebut hendaklah tidak dikuatkuasakan sehingga setelah tamatnya tempoh tersebut atau, jika penghutang memohon dalam tempoh tersebut untuk mengenenpikan perintah itu, sehingga setelah permohonan tersebut akhirnya diselesaikan.

(7) Salinan perintah tersebut yang disampaikan kepada penghutang mestilah menyatakan kesan perenggan (6).

(8) Berkenaan dengan suatu badan korporat aturan ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah untuk sebarang sebutan kepada tempat tinggal atau perniagaan pemiutang atau penghutang digantikan dengan alamat berdaftar atau utama badan korporat itu ; maka, walaupun demikian, tiada sebarang apa pun dalam aturan ini boleh menjejaskan sebarang undang-undang yang memperuntukkan cara bagaimana suatu dokumen boleh disampaikan kepada suatu badan korporat."

Pindaan
Perintah 85.

20. Perintah 85 dari aturan-aturan utama adalah dipinda dengan menambah sejurus sebelum "Mahkamah Tinggi" dalam aturan 1 –

"Mahkamah Rayuan atau di".

Bertarikh pada hari ini 2 haribulan Jun, 1999.

DENGAN TITAH PERINTAH

DATO SERI PADUKA SIR DENYS ROBERTS
KETUA HAKIM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM